



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***TAWSIYAH* DALAM NOVEL MUTAKHIR HASANUDIN MD ISA**

**MUHAMAD AMIRUL ASRAF MOHD DARAWI**

**FBMK 2019 47**



**TAWSIYAH DALAM NOVEL MUTAKHIR HASANUDIN MD ISA**

Oleh

**MUHAMAD AMIRUL ASRAF BIN MOHD DARAWI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Oktober 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain ialah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

## **TAWSIYAH DALAM NOVEL MUTAKHIR HASANUDIN MD ISA**

Oleh

**MUHAMAD AMIRUL ASRAF BIN MOHD DARAWI**

**Oktober 2018**

**Penyelia : Kamariah Kamarudin, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

*Tawsiyah* bermaksud nasihat, cadangan atau saranan yang merupakan salah satu cabang penyebaran dakwah untuk membentuk keperibadian Muslim dalam kalangan masyarakat. Penyebaran dakwah dan konsep *tawsiyah* dalam novel Melayu semakin mendapat tempat dalam kalangan pengkarya. Namun, karya sastera ringan atau popular yang bersifat mesra dan menampilkan isu-isu yang dangkal mendapat tempat dalam kalangan pembaca. Justeru, tiga objektif kajian ini ialah mengenal pasti konsep dan bentuk *tawsiyah* dalam novel Hasanudin Md Isa, menganalisis novel menggunakan teori psikologi Islam dan menganalisis kesesuaian konsep *tawsiyah* dengan teori psikologi Islam dan novel-novel Hasanudin Md Isa. Kajian ini akan meneliti empat buah novel mutakhir Hasanudin Md Isa sebagai teks kajian dan menggunakan pendekatan psikologi Islam, satu cabang ilmu dalam Islam yang berhubung dengan aspek kejiwaan seterusnya membentuk kualiti diri seseorang individu dengan lebih sempurna dan lengkap. Ternyata analisis yang dilakukan terhadap konsep *tawsiyah* dalam novel mutakhir Hasanudin Md Isa memperlihatkan unsur nasihat telah diterapkan oleh pengarang dalam aspek akidah, akhlak dan ibadah seterusnya dijadikan panduan dalam mempertingkatkan nilai Islam dalam diri pembaca.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **TAWSIYAH IN HASANUDIN MD ISA'S LATEST NOVELS**

By

**MUHAMAD AMIRUL ASRAF BIN MOHD DARAWI**

**October 2018**

**Supervisor : Kamariah Kamarudin, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

*Tawsiyah* is defined as advice, suggestion or proposition which is one of the branches of the preaching of da'wah in shaping the personality of Muslims in the society. Da'wah preaching and the *tawsiyah* concept in Malay novels has now slowly being embraced by writers. However, light or popular literary works which seem to be more of a fun reading and centralizing on shallow issues are getting more acceptance and are more popular among readers. Therefore, three of the objectives of the research are 1) to identify the concept of *tawsiyah* in the novel by Hasanudin md Isa, 2) to analyse the novel using the Islamic psychology theory and 3) to analyse the suitability of the concept of *tawsiyah* with Islamic psychology theory and the novels by Hasanudin Md Isa. This research will be studying on four of Hasanudin Md Isa's latest novels as research texts and using the Islamic psychology approach, one of the branches of knowledge in Islam which is related to the aspect of spirituality, thus shaping the quality of an individual in becoming more perfect and well-equipped. It is obvious that the analysis on the concept of *tawsiyah* conducted in the latest novels of Hasanudin Md Isa has shown the element of advice nurtured by the writer in the aspect of *aqidah*, moral and worship, thus making it as the guidelines in improving the value of Islam that lies within the readers.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Saya melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana limpahan rahmat-Nya dan ihsan-Nya telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menyelesaikan kajian ini sebagai memenuhi syarat memperoleh Master Sastera (Kesusasteraan Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Jutaan terima kasih dan penghargaan saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Kamariah Kamarudin selaku penyelia bagi kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. Bimbingan, dorongan, ilmu, dan teguran yang kalian berikan sangat bermakna kepada saya yang penuh kekurangan dan kekhilafan sehingga saya mampu untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang membantu saya sama ada secara langsung dan juga tidak langsung.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak mampu saya balas, saya dedikasikan kepada keluarga saya, kedua-dua ibu bapa saya, Encik Mohd Darawi Abdullah dan Puan Siti Farizah Deraman atas doa dan bantuan yang diberikan selama ini. Begitu juga dengan abang dan kakak saya yang sentiasa membantu dari segi sokongan moral dan kewangan untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sering berkongsi ilmu dan tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa kalian, mana mungkin kajian ini dapat diselesaikan.

Akhir sekali, terima kasih yang tak terhingga kepada semua pihak yang tidak berkesempatan untuk saya nyatakan di sini dan semua pihak yang terlibat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih atas doa, sokongan, dan tunjuk ajar yang diberikan. Terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 10 Oktober 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhamad Amirul Asraf bin Mohd Darawi bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “*Tawsiyah* dalam Novel Mutakhir Karya Hasanudin Md Isa” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Rafidah binti Nik Affendi, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Asmiaty binti Amat, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Malaysia Sabah  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 1 Mac 2019

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti yang berikut:

**Kamariah Kamarudin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Pabiyah Hajimaming @ Toklubok, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date:



## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa :

- Tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini ialah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan no.matrik.: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa :

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami.
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Page</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Definisi Operasional	7
1.7.1 <i>Tawsiyah</i>	8
1.7.2 Novel	9
1.8 Kesimpulan	10
<b>2</b>	
<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kajian-Kajian Lepas	11
2.2.1 Kajian Berkaitan <i>Tawsiyah</i>	11
2.2.2 Kajian Berkaitan Novel Hasanudin Md Isa	14
2.2.3 Kajian Berkaitan Pendekatan Psikologi Islam	16
2.3 Perkaitan Antara Kajian Terdahulu Dengan Kajian Ini	18
2.4 Kesimpulan	19
<b>3</b>	
<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	21
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.3 Kaedah Kajian	21
3.3.1 Kaedah Analisis Teks	21
3.3.2 Kaedah Penganalisan Data	22
3.4 Pendekatan Psikologi Islam	28
3.4.1 Sejarah Psikologi Islam	28
3.4.2 Perspektif Psikologi Islam	32
3.4.3 Rasional Pemilihan Pendekatan	34
3.5 Kerangka Kajian	35
3.5.1 Kerangka Konseptual	38

3.6	Perkaitan Antara Aspek Asas <i>Tawsiyah</i> Dan Aspek Pendekatan Psikologi Islam	39
3.7	Kesimpulan	39
<b>4</b>	<b><i>TAWSIYAH DALAM NOVEL TERPILIH KARYA HASANUDIN MD ISA</i></b>	
4.1	Pengenalan	40
4.2	Akidah	41
4.3	Akhlak	51
4.4	Ibadah	61
	4.4.1 <i>Habl Min Allah</i>	61
	4.4.2 <i>Habl Min Al-Nas</i>	69
4.5	Kesimpulan	79
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Kesimpulan	80
5.2	Cadangan	81
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	82
	<b>LAMPIRAN</b>	88
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	89
	<b>PENERBITAN</b>	90

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Pendekatan Psikologi Islam	32
2	Kerangka Konseptual Kajian	38
3	Pembahagian Analisis Konsep <i>Tawsiyah</i>	41



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Novel merupakan sebuah karya yang terangkum idea dan pemikiran pengarang yang menjadi elemen penting dalam proses mencipta sesebuah karya. Hal ini demikian kerana, penciptaan sesebuah karya bukan hanya sekadar untuk hiburan semata-mata malah mempunyai pengajaran yang hendak disampaikan oleh pengarang menerusi tingkah laku watak yang digarapnya. Para pengarang novel mempunyai perbezaan pendapat atau pandangan ketika menulis. Oleh itu, harus diakui bahawa antara manusia pengarang dengan manusia lain mempunyai perbezaan, walaupun tidak banyak dalam hal mentafsirkan makna hidup dan kehidupan. Dalam hal ini dapat dilihat bahawa setiap pengarang mempunyai ideologi yang tersendiri dalam menyampaikan sesuatu kepada pembaca atau khalayak.

Idea yang diterapkan oleh pengarang dalam karya mereka adalah untuk masyarakat dan pembaca kerana sastera itu membicarakan hubungan antara sastera dan manusia itu sendiri. Menurut Ali Ahmad (1978: 73-74), sastera merupakan salah satu wahana untuk membentuk sesebuah masyarakat dan dijadikan sebagai medium hiburan dan kritikan masyarakat oleh masyarakat. Sastera juga mempunyai matlamat yang tersendiri dan penceritaannya berkisar tentang masyarakat.

Bidang kesusasteraan tidak dapat lari daripada menjadi salah satu saluran untuk menyampaikan dakwah dan penulisan bercorak Islami semakin mendapat perhatian penggiat kesusasteraan. Hal ini kerana jika dilihat kepada proses penciptaan manusia yang secara fitrahnya dicipta untuk mengenal Allah, mengenal diri sendiri dan mengenal alam sekitar. Selain itu, fitrah juga merujuk kepada kekuatan manusia untuk mengetahui agama yang benar dan Tuhan yang menciptakannya. Menurut Shahnnon Ahmad (1991: 14), sesebuah karya yang baik ialah karya yang indah dan membangkitkan rasa ketenteraman hidup mengikut penilaian Islam. Sesebuah karya juga perlu membangunkan rasa kepahlawanan dan persoalan untuk menegakkan hak dan keruntuhan batil, kesan didaktik seperti pengajaran daripada peristiwa kebenaran dan juga kebetulan dalam hidup, kesan rasa kemesraan atau kesatuan yang tulen antara insan dengan Allah SWT serta kesan kebebasan dalam erti kata yang sebenar dalam peribadi, jiwa dan pemikiran.

Menurut Ahmad Kamal Abdullah (1989), kesusasteraan Melayu pada dasarnya tidak dapat dipisahkan daripada dikaitkan dengan pengaruh Islam. Hal ini kerana agama Islam telah memberikan sesuatu yang berharga bagi pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan Melayu itu sendiri. Unsur-unsur Islam telah diserap dan diterapkan secara indah dan mempesonakan di dalam karya-karya sastera. Keindahan yang diperlihatkan

menerusi karya sastera bukan sahaja kerana bakat dan pengarangnya tetapi juga kerana kefahaman penulis itu sendiri terhadap nilai-nilai Islam dan dengan nilai yang telah diterapkan inilah dapat membina masyarakat yang sihat dan harmoni.

Genre novel secara tidak langsung juga menerima kesan akibat kemunculan kesusasteraan Islam di Malaysia. Sehubungan dengan itu, lahirnya beberapa penulis baru yang mencipta dan mengarang idea mereka termasuk Syed Sheikh al-Hadi yang terkenal dengan karya *Hikayat Faridah Hanum*. Dikatakan karya tersebut merupakan novel saduran dari Asia Barat dan merupakan novel Melayu pertama dan Syed Sheikh al-Hadi merupakan pelopor utama kesusasteraan Melayu moden (Kamariah Kamarudin, 2011: 38). Novel ini juga telah memperlihatkan kepada pertumbuhan kesusasteraan Islam di Malaysia terutama genre novel kerana Syed Sheikh al-Hadi telah memuatkan persoalan berkaitan dengan beberapa nilai Islam dalam karya beliau.

Pengamatan terhadap novel-novel selepas Perang Dunia Kedua telah memperlihatkan jiwa Islam dalam sesebuah karya kesusasteraan Melayu semakin jelas dan padat. Novel *Protes* karya Shahnnon Ahmad, *Sami Mekong* oleh Azizi Haji Abdullah, *Masuk ke Dalam Cahaya* dan *Imam* oleh Abdullah Hussain dan beberapa novel lain karya Harun Haji Salleh, Hasan Ali dan lain-lain mempamerkan pembawakan nilai-nilai Islam yang semakin ketara (S. Othman Kelantan, 2004: 92). Perbincangan dan polemik kesusasteraan Islam makin memuncak dengan penglibatan daripada golongan cendekiawan dan sasterawan sendiri. Persoalan konsep dan definisi yang mutakhir berkaitan pentakrifan kesusasteraan Islam dibahagikan kepada kepada dua iaitu kesusasteraan berunsur Islam dan kesusasteraan bernilai Islam.

Selain itu, Shafie Abu Bakar (1983: 11) berpendapat untuk menilai sesebuah karya yang dikatakan sastera berunsur Islam tidak dapat dilihat melalui karyanya sahaja bahkan perlu dilihat dan diteliti penulisnya. Umum mengetahui bahawa sesebuah karya dapat berdiri dengan sendiri, akan tetapi untuk karya yang dikategori sebagai kesusasteraan Islam perlu meneliti kedua-duanya kerana pertalian yang erat antara pengkarya dengan karya yang dihasilkannya. Oleh hal yang demikian menurut Shafie Abu Bakar, sesebuah karya yang bagus dan sesuai dikategorikan sebagai karya sastera Islam, tidak akan diiktiraf sekiranya dikarang oleh seorang sasterawan bukan Islam.

Pentakrifan sastera Islam tidak pernah berakhir bermula dengan polemik Shahnnon Ahmad dan Kasim Ahmad di mana menurut Shahnnon Ahmad (1981: 1-3) sastera Islam bermaksud sebuah karya yang dihasilkan dan milik orang Islam serta penulisannya diniatkan untuk mendapat keredhaan Allah SWT seterusnya berhikmah kepada masyarakat sejagat. Karya yang dikarang untuk mendapat keredhaan Allah SWT bermaksud sesebuah karya itu mengandungi ajaran Islam yang membawa masyarakat lebih mengenali dan mendekati Maha Pencipta seperti ajaran aqidah, syarak dan akhlak yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah seterusnya membimbing manusia dan masyarakat Islam ke arah keimanan dan ketakwaan. Berkarya yang membawa hikmah kepada masyarakat pula bermaksud karya yang dihasilkan itu memberi manfaat kepada pembaca serta menyelamatkan mereka daripada kesesatan dari jalan Islam tetapi mencapai kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Menurut Nurazmi Kuntum (1991: 13) telah membicarakan konsep sastera berkaitan dengan Islam dengan

membahagikan kepada dua kelompok iaitu sastera Melayu berunsur Islam dan sastera Islam sendiri. Tambahan beliau, sastera Melayu berunsur Islam merupakan sesuatu karya sastera yang berkaitan dengan Islam dan semestinya ditulis oleh orang Islam sendiri manakala sastera Islam pula berhubung dengan nilai-nilai Islam yang selaras dengan ajaran agama Islam yang sebenar berteraskan al-Quran dan as-Sunnah.

Kesusasteraan dalam bahasa Arab ialah *al-adab*, dari kata dasar *adaba*, *ya'dibu* dan *adban* yang membawa maksud menjemput seseorang menghadiri majlis jamuan makan yang disediakan. Selain itu, kata dasar tersebut juga membawa maksud mengajar adab dalam akal fikiran dan jiwa seseorang supaya hidupnya berdasarkan tatatertib yang baik (Uthman el-Muhammady: 1983). Perhubungan *al-adab* dengan kesusasteraan Islam dilihat menerusi hasil karya kesusasteraan Islam adalah sebagai jemputan kepada manusia yang hendak mendapat manfaat daripadanya supaya datang menerima peluang untuk menikmati jamuan sebagai hidangan untuk hati dan jiwa seterusnya mengajak orang lain kepada kehidupan yang penuh dengan nilai-nilai Islam dan adab yang sempurna.

Jelaslah bahawa apabila sastera Islam dilaksanakan akan melahirkan manusia yang beradab dalam fikiran dan perbuatan. Penelitian terhadap perkembangan novel Melayu dalam konteks sastera Islam wajar menyorot perkembangan novel bermula sejak awal lagi di mana novel berunsur Islam kini kian meningkat dengan adanya sayembara dan peraduan yang dianjurkan di peringkat negeri malah di peringkat kebangsaan. Oleh hal yang demikian telah melahirkan bakat-bakat baru, pengarang dan novelis berbakat seterusnya memperbanyakkan lagi koleksi novel-novel berunsur Islam di Malaysia amnya.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Novel merupakan sebuah karya yang terangkum idea dan pemikiran pengarang yang menjadi elemen penting dalam proses mencipta sesebuah karya. Hal ini demikian kerana, penciptaan sesebuah karya bukan hanya sekadar untuk hiburan semata-mata malah mempunyai pengajaran yang hendak disampaikan oleh pengarang melalui tingkah laku watak yang digarapnya. Menurut Othman Puteh (1998: 79), proses penciptaan karya sastera memerlukan pencipta atau pengarang. Harus diakui bahawa antara manusia pengarang dengan manusia lain mempunyai perbezaan. Pendapat Othman Puteh menyedarkan masyarakat Melayu bahawa karya sastera yang ada di pasaran bukan sekadar hiburan dan humor semata-mata. Para pembaca dan pendokong perlu mengetahui dan mengenal pasti pengarang yang membawa pembaca lebih mengenali dan dekat dengan Allah SWT.

Sebaliknya, pendapat yang diutarakan Nisah Haron menyatakan bahawa penulis secara khusus mempunyai tanggungjawab untuk menghasilkan karya yang positif, membina dan menegakkan masyarakat menerusi karyanya. Karya sastera ringan atau popular bukan sahaja bersifat mesra pembaca, malah sering kali menampilkan isu-isu yang dangkal (*Dewan Sastera*, Julai, 2004: 47). Hal ini memperlihatkan bahawa karya yang hadir pada masa kini seolah-olah tidak mengangkat nilai-nilai murni dan Islam. Berdasarkan pendapat Nisah Haron, kajian ini akan membuktikan bahawa karya sastera



yang hadir kini bukan hanya sastera ringan, tetapi masih ada banyak pengkarya yang menghasilkan karya sastera yang bermutu dan berimpak tinggi.

Selain itu, menurut Ariff Mohamad (*Berita Harian*, keluaran 23 Januari 2012) pula, mulai tahun 1990-an jumlah penerbitan semakin banyak justeru ia semakin rencam dari segi teknik dan tema. Namun, novel Melayu masih dicari-cari kekukuhan dan kemantapannya meski pun disuakan pelbagai sastera bersifat tempatan sekian lama. Penulis juga berhadapan dengan kehendak pasaran kerana pekerjaan menulis kini sama seperti pekerjaan lain. Seseorang penulis juga memerlukan sumber pendapatan untuk perbelanjaan. Dalam keadaan demikian bukan sedikit penulis yang menulis atas kehendak pasaran sehingga kehendak intelektual terpinggir.

Berdasarkan kepada kedua-dua pandangan ini seakan mempunyai persamaan kerana pertikaian tersebut sebenarnya tidak melihat kepada perkembangan dunia sastera yang kini telah banyak melahirkan penulis-penulis yang berkualiti menerusi sayembara yang dianjurkan seperti Sayembara penulisan puisi, cerpen dan novel, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) dan sebagainya. Malah, jika diteliti isu-isu yang diangkat merupakan isu sejagat seperti pencemaran udara, penerokaan dan kemasyarakatan dan lain-lain merupakan isu yang semakin runcing dan meningkat naik dalam masyarakat. Oleh itu, bertitik tolak daripada pernyataan-pernyataan di atas, kajian ini dilakukan untuk menilai sejauhmana novel-novel yang terdapat di pasaran mampu memberi kebaikan dan menyedarkan masyarakat kepada ajaran agama Islam.

Seterusnya menurut Imlan Adabi dalam pernyataan beliau (*Berita Harian*, keluaran 14 November 2001) bahawa di Malaysia, tidak ada novel atau cerpen Islam berunsur ketuhanan melainkan sekadar tokoh tambah yang mengaitkan nama Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW semata-mata untuk disebut sebagai sebuah karya Islamik. Penggunaan nama Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW menurut beliau sekadar untuk memperlihatkan karya yang dihasilkan berkaitan dengan ajaran agama Islam. Hal ini berbeza dengan pentafsiran sastera Islam itu sendiri di mana tidak hanya melihat kepada perkataan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW sahaja, namun melihat kepada persoalan dan isi yang ingin disampaikan oleh pengarang termasuklah personaliti dan latar belakang pengarang itu sendiri. Kenyataan ini juga disanggah dengan kebanjiran kajian-kajian berkaitan dengan ajaran Islam dalam kesusasteraan Melayu termasuk dengan kelahiran teori-teori yang bersifat keislaman untuk mengkaji teks-teks kesusasteraan seperti Teori Takmilah, Teori Pengkaedahan Melayu dan sebagainya.

Menurut Othman Puteh (1995: 43) pula, karya sastera merupakan sebuah karya yang mampu untuk menghantar masyarakat pembaca ke luar dari dimensi kehidupan mereka iaitu realiti dan memberi peluang dan waktu kepada pembaca meninggalkan dunia sebenar dengan memasuki alam baru iaitu dunia khayalan. Ini berbeza dengan matlamat dan tujuan utama kesusasteraan Islam dan ajaran agama Islam itu sendiri iaitu menjauhi perbuatan dan perkataan yang tidak berfaedah serta membuang masa. Islam meletakkan masa berada pada tempat yang tinggi sehingga Allah SWT bersumpah dengan masa sebagaimana maksud *Surah al-Ashr* di bawah:

“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar di dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh serta berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran.”

Daripada terjemahan surah di atas dapat difahami bahawa umat manusia senantiasa berada dalam kerugian kerana melakukan perbuatan dan percakapan yang sia-sia dan membuang masa. Oleh itu, seseorang hamba yang berakal dan mendalami ajaran Islam akan mengamalkan apa yang terkandung dalam dalil seperti di atas iaitu beriman kepada Allah, beramal soleh, dan menasihati sesama Muslim tentang kebenaran ajaran Islam dan berkaitan dengan kesabaran kerana Allah SWT akan bersama-sama dengan orang yang sabar.

Perbezaan pendapat daripada setiap tokoh telah menimbulkan permasalahan kajian yang perlu diselesaikan untuk memperlihatkan kepada khalayak pembaca bahawa novel Melayu khasnya dan kesusasteraan Melayu amnya mempunyai nilai, ajaran, didikan dan nasihat yang ingin disampaikan oleh penulis dalam setiap novel tulisan mereka.

### **1.3 Persoalan Kajian**

1. Apakah konsep dan bentuk tawsiyah dalam novel Hasanudin
2. Adakah novel tersebut dapat dianalisis menggunakan teori psikologi Islam
3. Apakah konsep tersebut selari dengan novel dan teori psikologi Islam

### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti konsep dan bentuk *tawsiyah* dalam novel-novel Hasanudin Md Isa.
2. Menganalisis novel menggunakan teori psikologi Islam.
3. Menganalisis kesesuaian konsep *tawsiyah* dengan teori psikologi Islam dan novel-novel Hasanudin Md Isa.

### **1.5 Batasan Kajian**

Bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji menggunakan empat buah novel hasil mutakhir karya Hasanudin Md Isa iaitu novel bertajuk *Cebisan Mantera Terakhir* (Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2014), *Sarjana Bangsa* (Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015), *Hijrah Diri* (Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2016) dan *Rendah* (Yuyayuya Publication Plt, 2017). Justifikasi pemilihan keempat-empat novel tersebut kerana merupakan novel mutakhir Hasanudin Md Isa secara berturutan bermula tahun 2014 sehingga tahun 2017. Pemilihan ini juga berdasarkan novel-novel terdahulu Hasanudin Md Isa yang banyak membicarakan persoalan agama Islam dan latar belakang Hasanudin Md Isa yang berpendidikan agama Islam dan menjadi guru di sekolah aliran agama Islam. Selain itu juga dapat dilihat ketokohan Hasanudin Md Isa apabila novel *Mereka Yang Tertewas* telah memenangi Hadiah Sastera Berunsur Islam pada tahun

1988 dan novel tersebut juga telah diangkat sebagai teks sastra bagi Sijil Pelajaran Malaysia bermula tahun 1991 sehingga tahun 2001.

Oleh itu, bagi menyiapkan kajian ini, kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kepustakaan. Pengkaji akan mencari dan mengumpul bahan-bahan daripada buku-buku, majalah-majalah, artikel-artikel, jurnal-jurnal serta kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelumnya yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Berdasarkan keempat-empat novel yang dipilih juga, pengkaji akan menganalisis dan mengaplikasikan pendekatan psikologi Islam. Psikologi Islam ditakrifkan sebagai satu buah cabang ilmu Islam yang berhubung dengan aspek kejiwaan manusia agar seseorang individu itu dapat membentuk kualiti diri dengan lebih sempurna dan lengkap bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Selain itu, psikologi Islam menurut Asmawati Suhid (2009) juga didefinisikan sebagai satu bidang yang mengkaji dan mempelajari manusia dari jiwa atau hati (*al-qalb*), spiritual (*al-ruh*), intelek (*al-'aql*) dan kehendak (*al-iradah*).

Justeru, daripada perspektif Islam perbincangan psikologi ke atas manusia ialah perkara yang berhubung dengan jiwa manusia dan mesti berteraskan sumber utamanya iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang mana kedua-dua sumber ini secara telus telah menggariskan laluan yang tepat untuk diikuti. Para sarjana Islam yakin bahawa ilmu psikologi yang digali daripada al-Quran boleh mempengaruhi perubahan sosial manusia terutamanya dalam membangunkan tamadun cemerlang yang dilestarikan oleh manusia sehingga membawa perubahan kepada kehidupan manusia. Manusia berupaya memperoleh kehebatan diri dengan memupuk sifat-sifat yang dikehendaki oleh Allah SWT ke dalam dirinya. Hal ini kerana antara objektif psikologi Islam adalah untuk membentuk insan yang lebih berkualiti pada dirinya sendiri dan orang di sekelilingnya sehingga terbentuknya sebuah tamadun yang gemilang.

Psikologi Islam terdiri dari tiga prinsip utama yang perlu dititikberatkan untuk diaplikasikan. Pertama, secara teori ia berupaya menemui asas kelakuan manusia dari Kitab Suci yang menyentuh tentang fitrah manusia. Kedua, ia bersifat kritikal iaitu membina teknik yang boleh membantu ahli sains kemasyarakatan mengesan penyelewengan manusia daripada al-Quran dan yang ketiga ialah berbentuk strategik iaitu mencadangkan strategi agar masyarakat yang tersasar daripada ajaran Islam dapat diminimumkan. Ketiga-tiga prinsip ini bertitik tolak daripada pembersihan dalaman atau spiritual manusia itu sendiri (Muhammad Utsman Najati: 2006).

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Setiap kajian mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Kajian ini mempunyai kepentingan kepada pelbagai pihak terutama diri pengkaji, penggiat kesusasteraan, masyarakat amnya dan beberapa sudut lain.

Kepentingan pertama kajian ini adalah kepada diri pengkaji sendiri. Pengkaji akan dapat melihat dan mengenal pasti konsep *tawsiyah* dalam kesusasteraan Melayu seterusnya merumuskan konsep tersebut dalam novel kajian yang dipilih serta peranan yang dimainkan oleh watak dalam novel kajian yang digarap oleh pengarang.

Kedua, konsep *tawsiyah* yang dikupas, diharap dapat menyedarkan golongan masyarakat bahawa kesusasteraan merupakan salah satu wadah untuk menyebarkan dakwah Islam dan seterusnya mendidik masyarakat tersebut untuk kembali kepada jalan-Nya. Masalah sosial yang semakin teruk melanda tanah air dapat dikekang dengan adanya kajian tentang *tawsiyah* dalam bidang kesusasteraan dan secara tidak langsung dapat menyebarkan syiar Islam kepada seluruh masyarakat pendukung.

Ketiga, kajian ini akan memberi kepentingan kepada penggiat kesusasteraan terutama generasi baru yang akan mewarisi dunia sastera tanah air dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat dan diri pengkaji sendiri. Kajian ini juga akan membantu pengkaji untuk melakukan kajian karya terhadap novel Hasanudin Md Isa yang merupakan seorang penulis yang meningkat naik.

Keempat, kajian ilmiah ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan oleh ibubapa dalam memilih bahan bacaan untuk anak mereka. Kebanjiran novel picisan dan novel popular yang menekankan persoalan cinta semata-mata akan merisaukan ibubapa tentang bahan bacaan yang akan dibaca oleh anak mereka. Dengan kajian ini dapat membantu ibubapa dalam membuat penilaian seterusnya membuat pilihan yang tepat untuk anak mereka.

Kelima, kajian ini penting untuk perkembangan dunia sastera dan akademik itu sendiri. Dengan adanya kajian berkaitan konsep *tawsiyah* dalam novel dapat membantu secara tidak langsung dalam menambah jumlah kajian berkaitan. Diharapkan kajian ini akan dapat membantu para pengkaji akan datang membuat rujukan seterusnya membuat penambahbaikan terhadap kajian ini pada masa hadapan.

Kepentingan seterusnya dapat diambil kira kepada negara khususnya. Umum mengetahui bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam namun kehidupan remaja dan masyarakat kini kebanyakannya tidak melambang rakyat negara Islam. Teguran dan nasihat serta ajaran agama yang diberikan merupakan salah satu wadah pembentukan jiwa remaja Islam dan juga tidak ketinggalan ialah kajian-kajian yang menjuruskan kepada bahan bacaan seperti novel, cerpen dan sebagainya. Melalui kajian ini juga secara tidak langsung dapat membantu negara dalam menguruskan masalah sosial yang dihadapi dengan pendekatan bahan bacaan.

## 1.7 Definisi Operasional

### 1.7.1 *Tawsiyah*

Novel dan *tawsiyah* merupakan dua bidang yang berbeza. Novel merupakan salah satu genre sastra manakala *tawsiyah* adalah salah satu cabang dalam penyebaran dakwah. Namun kedua-dua istilah tersebut memerlukan antara satu sama lain dalam menyedarkan masyarakat tentang keagamaan khasnya dan kehidupan seharian amnya. Novel yang dikarang juga berkait rapat dengan masyarakat sekitar dan salah satu wahana atau cabang untuk membentuk sesebuah masyarakat. Menurut Ali Ahmad (1978: 73-74), berpendapat bahawa sastra membicarakan hubungan sastra dengan masyarakat. Antara fungsi sastra adalah sebagai medium hiburan, kritikan masyarakat dan sesuatu yang bermatlamatkan dan berkisarkan tentang masyarakat sebagai sasaran dan panduan.

Menurut Kamariah Kamarudin dalam bukunya *Takmilah Dalam Novel Melayu* menyatakan bahawa konsep *tawsiyah* adalah cabang kepada penyebaran dakwah malah dalam membicarakan aspek dakwah, dua perkara yang menjadi asas dalam mengungguli kecemerlangan dakwah ialah *tawsiyah* dan *islah*. Konsep ini mendapat tempat pertama bagi penyebaran dakwah yang berkesan kepada masyarakat. Konsep *tawsiyah* yang berbentuk hikmah sangat diperlukan oleh seorang pendakwah bagi merealisasikan kehidupan yang aman dan harmoni. Islam menuntut umatnya untuk melaksanakan dakwah dan menjadi satu keperluan bagi manusia untuk berdakwah. Masalah sosial yang semakin menjadi-jadi di Malaysia kini perlu ditangani.

*Tawsiyah* merupakan kata bahasa Arab, berasal dari kata dasar 'wasa' yang membawa maksud nasihat, cadangan atau saranan. Ini dapat dibuktikan berdasarkan *Surah al-Asr* ayat ke-3 yang membawa maksud "kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh dan berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran". Selain itu, berdasarkan maksud ayat 224-227 *Surah asy-Syu'araa* juga dapat memperlihatkan peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang penulis iaitu menyuarakan ibadah dalam menyempurnakan konsep mendidik dan menasihati kepada umat Islam. Dalam ajaran Islam, menyampaikan nasihat sesama umat bertujuan untuk memperbaiki kehidupan seseorang hamba kepada pencipta-Nya, mengajarkan kehidupan yang lebih sempurna, membimbing serta mendoakan antara satu sama lain dan sebagainya. Para Nabi juga diutuskan untuk menyampaikan nasihat dan membawa pengikutnya kepada Allah SWT. Ini dapat dilihat menerusi firman Allah dalam *Surah Hud* ayat 88 yang bermaksud:

"Nabi Syuaib berkata" Wahai kaumku! Bagaimana fikiran kamu, jika aku berdasarkan bukti yang nyata dari Tuhanku, dan ia pula mengurniakan daku pangkat Nabi sebagai pemberian daripada-Nya (patutkah aku berdiam diri dari melarang kamu) sedang aku tidak bertujuan hendak melakukan sesuatu yang aku melarang kamu daripada melakukannya? Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nya jua aku kembali"

Selain itu, dalam Kitab Hadith 40 yang telah disusun oleh Imam Nawawi, hadis yang ketujuh telah menggambarkan tentang perihal kepentingan nasihat menasihati dalam perkara kebaikan. Ini dapat dilihat menerusi maksud hadis Rasulullah SAW seperti terjemahan di bawah:

“Daripada Abu Ruqiyah Tamim ibn Aus al-Daarie r.a. bahawa Nabi S.A.W. telah bersabda: “Agama itu adalah nasihat.” Kami berkata: “Untuk siapa?” Baginda bersabda: “Untuk Allah, untuk Kitab-Nya, untuk Rasul-Nya, untuk para Imam kaum muslimin dan untuk umat Islam seluruhnya.”

(Hadis Riwayat al-Imam Muslim)

Dalam memberi nasihat, terdapat beberapa adab yang perlu dijaga oleh seseorang Muslim antaranya ialah meluruskan niat sebelum menasihati, menjaga ukhuwah semasa menasihati, bersih hati semasa menasihati, memikirkan cara yang terbaik untuk menasihati dan memberi waktu dan kesempatan.

### 1.7.2 Novel

Novel merupakan salah satu daripada genre kesusasteraan moden yang merupakan hasil ciptaan seni kreatif yang mempunyai gaya menonjolkan nilai-nilai pemikiran dan emosi seseorang pengarang. Istilah novel berasal dari kata *novella*, daripada bahasa Itali yang membawa maksud perkhhabaran baru. Novel dikategorikan sebagai cerpen yang lebih panjang berbanding dengan cerpen atau cerita pendek. Menurut *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua* (2009:548), novel merupakan cerita dalam bentuk prosa yang amat panjang manakala menurut *Kamus Pelajar Daya* (2009:), novel ialah cerita rekaan (cereka) dalam bentuk prosa yang agak panjang. Berdasarkan kepada *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998:934) pula mentakrifkan novel sebagai cerita dalam prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial.

Menurut S. Othman Kelantan dan Abdullah Tahir (2003:4), cereka yang lazimnya mempunyai tema berunsur pengajaran yang jelas disampaikan melalui teknik yang masih terikat secara tidak langsung dengan ciri-ciri cerita tradisional atau hikayat. Konsep novel seperti ini sebatian dan mekar dalam kesusasteraan Melayu terutama novel sebelum Perang Dunia Ke-2. Namun konsep ini tetap terbuka kepada perubahan unsur-unsur baru dari dunia luar Melayu seperti yang telah berlaku kepada novel Melayu selepas Perang Dunia Ke-2 terutamanya selepas kemerdekaan. Novel juga merupakan sesuatu cereka yang mengisahkan tentang perilaku manusia setempat atau mungkin dunia luar tetapi ditulis dalam bahasa Melayu.

Seterusnya menurut Kamariah Kamarudin (2014:224) mengatakan bahawa:

“Novel menawarkan kepelbagaian kisah dan nilai seperti kasih sayang, pengorbanan, kesetiaan dan

lain-lain yang merangkumi aneka aspek kehidupan dan kemanusiaan”

Berdasarkan pendapat sarjana sastera di atas dapat dikatakan bahawa novel merupakan cerita dalam bentuk prosa yang kebiasaannya panjang dan kompleks serta berkaitan dengan kehidupan realiti manusia. Novel mempunyai perbezaan dengan hikayat dari aspek pemaparan sifat realiti masyarakat dalam menghayati kehidupan dan menentukan arah serta tujuan diciptakan. Novel juga bukan sekadar cerita biasa tetapi menggambarkan kelakuan watak, latar belakang pelbagai masyarakat dan masalah menerusi cerita yang menggunakan pelbagai teknik.

Novel yang terdapat pelbagai ilmu pengetahuan menggambarkan keadaan realiti masyarakat dan mengungkap pelbagai permasalahan yang berlaku di sekeliling masyarakat. Pengarang yang menghasilkan novel tersebut berada dalam kalangan masyarakat dan disebabkan itu mereka dapat memahami segala yang perlu untuk disampaikan kepada masyarakat.

Sebagai rumusannya, novel adalah jalinan cerita yang digarap oleh pengarang menggunakan tiga elemen utama iaitu pengalaman peribadi, realiti kehidupan dan imaginasi pengarang. Ketiga-tiga elemen ini dijalin sehingga menjadi sebuah karya yang berasaskan dari satu idea pokok dan menggunakan pelbagai teknik yang dipilih oleh pengarang untuk dipersembahkan. Selain itu, konsep penting dalam sesebuah novel ialah isinya pasti menggambarkan realiti kehidupan masyarakat sama ada hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia ataupun hubungan manusia dengan alam yang telah diadun melalui imaginasi dan fantasi pengarang itu sendiri.

## **1.8 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, dalam bab ini pengkaji hanya menjelaskan tentang beberapa perkara awal yang penting sebelum memulakan kajian antaranya latar belakang kajian, permasalahan kajian, definisi operasi kajian dan sebagainya. Dalam bab ini juga pengkaji menyenaraikan tiga objektif utama kajian agar penulisan kajian ini tidak lari daripada aspek perbincangan yang telah ditetapkan. Bab seterusnya, pengkaji akan membincangkan tentang sorotan kajian yang berkaitan secara langsung atau tidak oleh pengkaji terdahulu.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

## BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Mohd. Zin. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1999.
- Abdul Majid bin Omar. Kertas kerja dibentangkan pada Kempen 'Sah Nikah Sah Nasab' anjuran Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM pada 18 Mac 2013 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Bangi: Selangor.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Batu Caves: Pustaka Ilmi, 2007.
- Abdul Shukur Ahmad Shaghir. *Beberapa Buah Novel Berunsur Islam Dekad 1980-90 Satu Perbandingan Novel Mereka Yang Tertewas*. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan: Universiti Pertanian Malaysia, 1994.
- Abdullah al-Amin al-Na'miy. (Terj.) Mohd Ramzi Omar. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Abdullah Ishak. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Abdullah Jusuh. *Pengenalan tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Ahmad A'toa' Mokhtar, et al., *Konsep Al-Qalb Dan Pembangunannya Menurut Al-Quran dan Hadis*. Kertas kerja 1st Inhad International Muzakarah & Mu'tamar On Hadith. Kuala Lumpur: Federal Hotel. 25 April 2016.
- Ahmad Kamal Abdullah. *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. Media Penyiaran: Implikasinya dalam Pembentukan Akhlak Penuntut-penuntut Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia 2011. *Akademika 81 (3)*. 2011.
- Al-Abdu Al-Fani Muhammad bin Isma'il Daud. *Puncak Kebahagiaan dan Keberuntungan Yang Cemerlang*. Batu Caves: Al Hidayah House of Publishers Sdn Bhd, 2014
- Al-Ghazali. *Ihya Ulumuddin Jiwa Agama (Jilid 4) (terj)*. Kuala Lumpur: Victory Agensi, 1988.
- Ali Ahmad. *Asas Menganalisis Cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.



*Al-Quran dan Terjemahan*, 1419 H. Saudi Arabia: Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba'at al-Mushhaf al-Syarif Madinah Munawwarah, Kementerian Urusan Agama Islam Qakaf, Da'wah dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia.

Amin bin Amat. *Iman dan Islam*. Seremban: Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan, 1989.

Amini Amir Abdullah. *Islam Yang Dinamik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2012.

Amran Kasimin. *Bagaimana Mencegah Kejahatan Melalui Sembahyang Edisi Pertama*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, 1992.

Anwar Ridhwan, et al. (peny.). *Kamus Pelajar Daya*. Seri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn Bhd, 2009.

Arba'ie Sujud, et al., *Sastera Melayu Suatu Pengantar Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn Bhd, 2011.

Ariff Mohamad. "Hubungan tekstual dalam Antara Bulan dan Wira" dlm *Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

Ariff Mohamad. "Mengkritik Perilaku Masyarakat dalam Cerpen." *Dewan Sastera*, Jun 2015. 50-54.

Asep Muhidin, *Dakwah Dalam Perspektif al-Quran: Studi Kritis Atas Visi, Misi dan Wawasan*. Bandung: Pustaka Setia, 2002.

Asmawati Suhid. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2009.

Asmawati Suhid. Pengajaran Adab dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* Bil. 8. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

Aziah Tajudin dan Mohd. Fadzli Tajuid (peny.). *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Farid al-Attas. Kepentingan sosial pembangunan ummah dalam sebuah negeri maju. *Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor Maju: Peneraju Pembangunan Sosial Berteraskan Islam* pada 2-3 Disember 2005 di Shah Alam.

Fathi Yakan. *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2008.

Haron Din et al. *Manusia dan Islam*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

Haron Din et al. *Manusia dan Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

- Haron Din et al. *Manusia dan Islam*. Jil. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Hasan Langgulong. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna, 1988.
- Hasan Langgulong. *Pendidikan Islam: Suatu Analisa Sosio-Psikologikal*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1979.
- Hasan Langgulong. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Hasanudin Md Isa. *Cebisan Mantera Terakhir*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2014.
- Hasanudin Md Isa. *Hijrah Diri*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2016.
- Hasanudin Md Isa. *Rendah*. Kuala Lumpur: Yuyayuya Publications Plt, 2017.
- Hasanudin Md Isa. *Sarjana Bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015.
- Hasna bin Bidin. *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Mara, 2016.
- Himawijaya. *Mengenal al-Ghazali: Keraguan adalah awal keyakinan*. Bandung: Dar Mizan, 2004.
- Ismail bin Mohd Hassan (terj.). *Sistem Islam: Akidah dan Ibadat*. Kuala Terengganu: Siri Penerbitan Yayasan Islam, 1991.
- Jelani Harun. *Ilmu Kesusasteraan Abad Ke-14*. Minden: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2004.
- Kamariah Kamarudin. *Novel Melayu Dalam Pelbagai Perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2014.
- Kamariah Kamarudin. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Kamariah Kamarudin. *Tazkiyah al-Nafs dalam Novel Pasir Lintang*. *MANU Bil. 23*, 2016, 85-109.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Kassim Ahmad dan Shahnnon Ahmad, *Polemik Sastera Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Masitah Kamisian. *“Halangan dan Rintangan” Karya Hasanudin Md Isa: Dilihat Dari Aspek Gaya Bahasa*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 2002.

- Mohammad Fadzeli Jaafar. "Aspek Gaya Bahasa dalam Teks Sastera Melayu Berunsur Islam". *Jurnal Pengajian Umum*. Bil. 7, 53-66, 2006.
- Mohd Asri Abdullah. *Prinsip-prinsip Asas Islam: Islam dan Akidah*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Univrsiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara, 2011.
- Mohd Faizal Musa. *Wacana Sastera Islam di Malaysia & Indonesia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2012.
- Mohd Kamal Hassan et. al. *Pendidikan Koleksi Dakwah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1981.
- Mohd Nakhaie Hj Ahmad. *Panduan al-Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1996.
- Mohd Sabri Mamat. Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya Kepada Kecerdasan Emosi Remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education 1 (1)*. 29-40.
- Mohd Shahrizal Nasir et.al. Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awan Di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. Edisi ke-30, 2015. 51-72.
- Mohd Sulaiman Yasin. *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. Komunikasi Imam Syafie Dalam Penyebaran Islam. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Jilid 9. 2007.
- Muhammad Utsman Najati. *Ilmu Jiwa Dalam al-Quran*. Jakarta: Pustaka Azzam, 2006.
- Muhammadiyah Jaafar. *Beberapa Aspek Pendidikan Islam*. Surabaya: Penerbit al-Ikhlash, 1982.
- Mustafa Haji Daud. *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Nik Rafidah Nik Affendi. *Pemikiran dan Teknik Penceritaan dalam Novel Komponen Sastera dalam Matapelajaran Bahasa Melayu*. Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, 2005.
- Noreasah Baharom et al. *Kamus Dewan Ed Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Nur Alhidayatullah. Dakwah Dinamis di Era Modern. *Jurnal An-Nida'*, Edisi Disember 2017 Vol. 41 No. 2, 265-276.
- Nurazmi Kuntum. *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

- Othman Puteh. *Tanggapan Terhadap Kesusasteraan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Rahmat O.K. *Dari Adam sampai Muhammad*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1984.
- Ros Zakaria. *Martabat Nafsu dalam Novel-Novel Shahnnon Ahmad*. Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Rosni binti Wazir, *et al.*. Komunikasi Dalam Islam Prinsip-Prinsip Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. *Hadis: Jurnal Imiah Berwasit*, Bil 10. 2015.
- S. Othman Kelantan & Abdullah Tahir. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden: Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Samsina Abd Rahman. "Ajaran Islam dalam pantun." Dalam *Cendekia Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 2007.
- Samsina Abd Rahman. "Definisi dan Konsep Kesusasteraan Islam" dlm *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu UPM, 2000.
- Samsina Abd Rahman. "Unsur Tasawuf Dalam Puisi Moden". *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Bil:2, November 1999. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.
- Samsina Abd Rahman. *Amar Ma'aruf Nahi Mungkar dalam Puisi*. Kertas kerja Persidangan Serantau Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 22-23 Oktober 2001.
- Shahabudin Hashim *et, al.*. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing and Distributors Sdn Bhd, 2006.
- Shahnnon Ahmad. *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Shuhairimi Abdullah. *Dinamisme Nilai-Nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis, 2009.
- Siti Norain Mazuki. *Nilai Insaniah Dalam Novel Terpilih Sri Rahayu*. Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2013.
- Wahbah al-Zuhaili. *Kewajipan Memahami Bukan Islam Tentang Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2004.
- Yusuf al-Qardhawi. *Islam dan Globalisasi Dunia*. (Terjemahan). Jakarta: Pustaka al-Kauthar, 2001.
- Zahir Ahmad. Peranan Sastera Islam Dalam Pembentukan Akhlak Penduduk Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 12. 2015.

Nama penuh pengkaji ialah Muhamad Amirul Asraf bin Mohd Darawi dilahirkan pada 24 November 1991. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pulau Chondong dan kemudian belajar di Maahad Tahfiz al-Quran dan seterusnya ke Maahad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu, Kelantan. Sebelum memasuki menara gading, beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Machang dan pada tahun 2012 telah menyambung pelajaran di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Pada tahun 2016 dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kesusasteraan Melayu) dan sekarang dalam pengajian peringkat Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Sekarang Harapan beliau pada masa hadapan agar dapat mengangkat martabat dunia kesusasteraan Melayu khususnya dalam bidang penyampaian dakwah menerusi kesusasteraan Melayu.



## **PENERBITAN**

- Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi & Kamariah Kamarudin, *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah: The Journal of Humanities & Social Sciences*, Edisi 5, Bil.2, Disember, 2018.

